



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA ANTARA MENTERI DALAM NEGERI DAN MENTERI SUMBER MANUSIA MENGENAI PENGURUSAN PEKERJA ASING, KALI KE-12, BILANGAN 3 TAHUN 2024

1. YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia dan YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri pada hari ini telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali Kedua Belas, **Bilangan 3 Tahun 2024**. Mesyuarat kali ini telah membincangkan keseluruhan tujuh (7) kertas iaitu tiga (3) Kertas Pertimbangan dan empat (4) Kertas Makluman mengenai pengurusan pekerja asing.
2. **Pertama**, mesyuarat membincangkan status pembekuan permohonan kuota penggajian pekerja asing. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Kerajaan dipandu oleh penetapan Kementerian Ekonomi mengenai siling 15% jumlah tenaga kerja asing daripada keseluruhan guna tenaga kerja dalam negara. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan keseluruhan guna tenaga kerja dalam negara pada masa kini adalah berjumlah **17.2 juta orang**. Justeru, siling yang dibenarkan bagi jumlah keseluruhan pekerja asing dalam negara adalah berjumlah **2.58 juta orang**. Berdasarkan unjuran Kerajaan, jumlah pekerja asing menjelang Disember 2024 belum melebihi siling 15% yang ditetapkan dengan jurang kecil berjumlah **43 ribu orang**. Dalam hal ini, Kementerian Ekonomi akan mengkaji dan memutuskan siling tenaga kerja asing secara sektoral supaya keperluan sebenar industri dapat dipenuhi. Susulan itu, pembukaan permohonan kuota penggajian pekerja asing akan dikaji dan dipertimbangkan semula.
3. **Kedua**, Mesyuarat mengambil maklum keputusan Kerajaan pada tahun 1995 yang tidak membenarkan pekerja asing digajikan di stesen minyak dan stesen minyak melaksanakan Sistem Khidmat Layan Diri (SKLD). Mesyuarat juga membincangkan permohonan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membenarkan penggajian pekerja asing oleh pengusaha stesen minyak bagi tujuan perkhidmatan pembersihan dan pencucian.

4. Mesyuarat bersetuju meluluskan pengambilan pekerja asing oleh pengusaha stesen minyak bagi tujuan perkhidmatan pembersihan dan pencucian melalui kaedah pertukaran majikan daripada PDAM dan syarikat outsourcing kepada pengusaha stesen minyak. Kelulusan ini tidak melibatkan kelulusan kuota pekerja asing baharu.
5. **Ketiga**, mesyuarat telah mengkaji permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing bagi sektor perkhidmatan pelancongan yang dibawa oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Mesyuarat mengambil maklum bahawa permohonan ini adalah sebagai persediaan kepengerusian ASEAN bagi tahun 2025 serta Kempen Melawat Malaysia pada tahun 2026. Bagi tujuan ini, penggiat industri pelancongan memerlukan tenaga kerja yang optimum agar prestasi industri pelancongan berada di tahap yang paling baik. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju meluluskan kuota khas kepada sektor perkhidmatan pelancongan.
6. **Keempat**, mesyuarat juga bersetuju akan cadangan Jabatan Penjara bagi mengutamakan penggajian banduan yang menjalani pemulihan dalam komuniti. Inisiatif ini dapat memastikan inklusiviti banduan dalam kelompok tenaga kerja negara di samping mengurangkan kebergantungan industri kepada tenaga kerja asing.
7. Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai **Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (Centralised Labour Quarters - CLQ) dan Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek (Temporary Labour Quarters - TLQ) Versi Baharu** yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Akhir sekali, mesyuarat dimaklumkan berhubung **status pelaksanaan inspektorat Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing serta status pengurusan pekerja asing dan aktiviti penguatkuasaan** yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Kedua kertas makluman ini merupakan amalan baik mesyuarat yang memantau rapat pengurusan pekerja asing negara secara berkala.
8. Semua keputusan mesyuarat akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan Jemaah Menteri. Majikan adalah dimohon supaya cakna akan ketetapan dasar Kerajaan dan tidak mempercayai sebarang berita yang tidak ditentusahkan. Dalam hal ini kerajaan akan bertindak tegas terhadap sebarang pelanggaran peraturan dan undang-undang berkuat kuasa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
14 NOVEMBER 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	<u>Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)</u>
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	<u>Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)</u>
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	<u>Human Resources Development Corporation (HRD Corp.)</u>
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	<u>Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)</u>
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	<u>Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)</u>
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	